

## **TERMA DAN SYARAT**

### **Penganjur & Kelayakan**

- 1      **“Wave 2 Win with MyDebit” [“Peraduan”]** ini dianjurkan oleh Jaya Grocer [“**Pihak Penganjur**”] dengan kerjasama PAYMENT NETWORK MALAYSIA SDN BHD (836743-D) (PayNet) [“**Penaja Hadiah**”]. Peraduan ini terbuka kepada Pemegang Kad Mesin Automatik [“**ATM**”] MyDebit yang dikeluarkan oleh bank –bank yang mengambil bahagian dan menawarkan MyDebit di Malaysia [“**Peserta**”]. Hanya Peserta yang berumur 18 tahun dan ke atas dan mempunyai dokumen pengenalan yang sah (contohnya “kad pengenalan atau passport) adalah layak untuk menyertai Peraduan ini.
  
- 2      Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana bank yang mengambil bahagian dalam MyDebit, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan Hadiah. Peserta hendaklah mematuhi kehendak kelayakan di atas untuk menjadi “Peserta Yang Layak”.
  
- 3      Pemegang saham, pengarah, pegawai, kakitangan Pihak Penganjur dan Penaja Hadiah termasuk syarikat bersekutu/berkaitan serta ahli keluarga mereka yang terdekat (suami/isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik) dan/atau wakil/ kakitangan dan/atau pekerja mana-mana agensi Pihak Penganjur dan Penaja Hadiah dan keluarga yang terdekat adalah tidak layak untuk menyertai.

### **Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan**

- 4      **Wave 2 Win with MyDebit [“Peraduan”]** ini akan berlangsung dari pukul 0:00:00 pagi 15hb Julai 2019 hingga 23:59: 59 petang 15hb Oktober **2019** (Waktu Malaysia)(“**Tempoh Peraduan**”). Pihak Penganjur mempunyai hak mengikut budi bicara mutlakanya untuk mengubah, menunda, menjadual semula dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
  
- 5      Peserta hendaklah menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi WhatsApp [“**Mekanisme Peraduan**”].

## Cara penyertaan

- 6 Setiap penyertaan yang sah dan lengkap hendaklah mengandungi maklumat (semasa penghantaran penyertaan) seperti berikut:
  - i. Ambil gambar SLIP TRANSAKSI MyDebit (dengan gambar yang jelas dan penuh) dengan pembelian daripada Jaya Grocer.
  - ii. PERHATIAN: **SIMPAN SLIP TRANSAKSI MyDebit (salinan asal)** sebagai Bukti Pembelian.
- 7 Hantar penyertaan anda melalui WhatsApp ke **018-9728 971**.
- 8 Peserta akan menerima mesej balasan (soalan Peraduan, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 24 jam (pada hari minggu). Peserta dihendaki membalas dengan jawapan yang tepat kepada soalan Peraduan dan memberikan butir-butir peribadi supaya layak menyertai Peraduan.
- 9 Peserta yang disenarai pendek sebagai pemenang Peraduan [**“Pemenang”**] hendaklah menghantar salinan asal Slip Transaksi MyDebit sebagai bukti pembelian sebelum penebusan hadiah. Kegagalan untuk membuat demikian akan menyebabkan pembatalan hadiah yang dimenang oleh Peserta tersebut.
- 10 Pada akhir Tempoh Peraduan, Peserta Yang Layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah bilangan penyertaan/hantaran sah [**“Peserta Yang Terpilih”**].
- 11 Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta Yang Terpilih melalui butir-butir kontak yang diberikan (semasa penyertaan). Peserta digalakkan untuk mengekalkan nombor kontak mereka (dalam Tempoh Peraduan). Sekiranya Peserta Yang Terpilih tidak dapat dihubungi selepas TIGA (3) percubaan setiap hari (untuk tiga (3) hari berturut-turut), pada waktu kerja dari Hari Isnin-Jumaat, Pihak Penganjur menyimpan hak untuk membatalkan kelayakan Peserta Yang Terpilih dan akan memilih Peserta Yang Terpilih baru yang berikutnya sebagai pengganti untuk melalui proses yang sama mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur.

## Kriteria Kelayakan

- 12 Setiap Peserta boleh menghantar lebih daripada **SATU (1)** penyertaan. Setiap **SATU (1)** Slip Transaksi (dengan pembelian RM80 dan terhadap yang dibuat melalui kad ATM MyDebit menerusi transaksi “Wave/Contactless” layak sebagai **SATU (1)** penyertaan. Setiap Slip Transaksi hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peserta akan dibatalkan kelayakaan jika Slip Transaksi yang sama digunakan untuk lebih daripada **SATU (1)** kali. Sila simpan resit dan Slip Transaksi asal untuk tujuan pengesahan. Penyertaan berbilang dibenarkan tetapi setiap peserta hanya boleh memenangi satu hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
- 13 Peserta perlu menjawab satu soalan dan memberikan butir-butir yang dihendaki supaya layak menyertai Peraduan:
  - Cara: **018-9728 791** (Penyertaan applikasi WhatsApp);
  - Nama Penuh;
  - Nombor Kad Pengenalan;
  - Alamat emel;
  - Nombor Telefon;
  - Slip Transaksi (Nombor MID);
  - Gambar Slip Transaksi yang jelas dan penuh.
- 14 Lengkapkan butir-butir tersebut di atas dan hantar.
- 15 Hanya transaksi yang menggunakan Kad ATM MyDebit menerusi transaksi tanpa sentuh di dalam Tempoh Peraduan akan layak untuk menyertai Peraduan.
- 16 Butir-butir dan jawapan yang tidak lengkap, tidak betul, dan/atau tidak tepat akan dibatalkan kelayakan.
- 17 Penyertaan yang lewat adalah tidak sah dan tidak layak. Tiada sebarang rayuan atau surat-menyurat akan dilayan.
- 18 Pembelian yang dibatalkan atau pembelian yang dibayar balik adalah tidak sah untuk menyertai Peraduan ini mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur.

## **Hadiah Peraduan dan Penebusan**

Hadiah-hadiah Peraduan adalah seperti berikut:

- **Hadiah Pertama: Seorang Pemenang untuk memenangi sebuah Iphone Xs (15 pemenang)**
- **Hadiah Kedua: Seorang Pemenang untuk memenangi sebuah Apple Watch Series 4 (40 pemenang)**
- **Hadiah Ketiga: Seorang Pemenang untuk memenangi sebuah Dyson Supersonic Hairdryer (20 pemenang)**
- **Hadiah Saguhati: 100 pemenang untuk memenangi e-Baucar Jaya Grocer bernilai RM150 setiap satu.**

75 Pemenang (Pemenang Hadiah Pertama, Kedua dan Ketiga) akan mempunyai peluang untuk memenangi Hadiah Utama bernilai jumlah RM33,000 seperti berikut:

- **Hadiah Utama Pertama: Seroang Pemenang untuk memenangi Baucar Pelancongan bernilai RM15,000.**
- **Hadiah Utama Kedua: Seroang Pemenang untuk memenangi Baucar Pelancongan bernilai RM10,000.**
- **Hadiah Utama Ketiga: Seroang Pemenang untuk memenangi Baucar Pelancongan bernilai RM8,000.**

19 Melainkan ditetapkan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat di sini, tiada permohonan untuk mengganti, menukar atau mengubah hadiah oleh Peserta akan dibenarkan.

20 Hadiah-hadiah tidak boleh ditukar dan/atau dipindah milik atau ditebus untuk wang tunai. Mana-mana bahagian hadiah yang tidak digunakan akan dibatalkan.

21 Pihak Penganjur menyimpan hak untuk mengganti atau menukar hadiah yang ditawarkan dalam Peraduan ini dengan hadiah lain yang sama nilai tanpa notis terlebih dahulu.

- 22 Hadiah-hadiah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap segala liabiliti yang timbul dari mana-mana penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan butir-butir hadiah atau mana-mana keadaan yang di luar jangkaan dan di luar kawalan munasabah Pihak Penganjur dan apa-apa tindakan atau ingkar oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak Penganjur adalah pihak tunggal yang bertanggungjawab untuk hadiah, penganjuran dan pelaksanaan Peraduan ini. Sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan Peraduan hendaklah dibuat terus kepada Pihak Penganjur.
- 23 Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakan yang berlaku dalam proses penebusan hadiah. Mana-mana kos tambahan lain (misalnya perbelanjaan pengangkutan) yang terlibat untuk menebus atau mengambil Hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
- 24 Pemenang hendaklah menanggung segala caj dan apa-apa pembayaran tambahan yang tidak terhad kepada kos pengangkutan, yuran pendaftaran, cukai jalan, insurans dan mana-mana cukai/fi yang dikenakan.
- 25 Pihak Penganjur memelihara hak untuk menangguhkan tarikh dan tempat untuk menebus hadiah yang telah ditetapkan kepada tarikh lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
- 26 Visual hadiah yang ditunjukkan di dalam mana-mana iklan, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Peraduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata and mungkin berbeza dengan hadiah sebenar.
- 27 Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penghantaran hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau belanja atau caj sampingan yang dikenakan sehubungan dengan pungutan hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
- 28 Penyerahan hadiah bergantung kepada ketersediaan Hadiah. Pihak Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang dari semasa ke semasa.

- 29 Hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** selepas pemenang dihubungi boleh ditarik balik mengikut budi bicara Pihak Penganjur.
- 30 Hadiah tidak boleh ditukar untuk wang tunai. Pihak Penganjur berhak untuk mengganti hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai tanpa notis terlebih dahulu mengikut budi bicara mutlak. Pihak Penganjur, ejen, pihak bersekutu dan penajarnya serta wakil mereka tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana kecacatan atau salah guna hadiah, tuntutan, liabiliti, kehilangan atau kerosakan yang berkaitan dengan Peraduan ini.
- 31 Peserta dikehendaki menyediakan dokumen pengenalan diri yang sah semasa atau sebelum menebus hadiah untuk tujuan pengesahan Peserta/Pemenang. **Slip Transaksi MyDebit** yang tidak dapat dibaca, pudar, atau rosak akan dianggap sebagai tidak sah and akan dibatalkan.
- 32 Semua hadiah hendaklah dituntut oleh Pemenang secara sendiri dengan dokumen pengenalan diri yang sah. Dokumen pengenalan diri yang sah merupakan mana-mana bentuk dokumen pengenalan yang diluluskan oleh kerajaan seperti MyKad, Kad Pengenalan, atau Pasport.
- 33 Hadiah hendaklah dituntut secara sendiri (tidak boleh dihantar atau diserahkan).
- 34 e-Baucar Jaya Grocer akan dihantar melalui emel kepada pemenang.

### **Pemilihan Pemenang**

- 35 Pemenang akan dipilih dalam tempoh 90 hari selepas akhir Tempoh Peraduan.
- 36 Pemenang akan dipilih secara cabutan rawak daripada kumpulan jumlah penyer-taan yang layak yang akan dijalankan oleh Pihak Penganjur selepas akhir Tempoh Peraduan. Pemenang yang terpilih akan diberitahu melalui panggilan telefon. Pihak Penganjur memelihara hak untuk mengubah, meminda, menangguh tarikh cabutan dan pemberitahuan tanpa apa-apa notis terlebih dahulu mengikut budi bicara mutlak.

- 37 Jika untuk apa-apa sebab (misalnya tiada balasan, nombor telefon yang diberikan tidak dalam perkhidmatan, tiada sambungan rangkaian dan sebagainya) Pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) kali percubaan, maka hadiah akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi oleh apa-apa sebab. Pihak Penganjur mempunyai budi bicara mutlak dan memelihara hak untuk memilih Pemenang gantian yang akan tertakluk kepada peraturan yang sama.
- 38 Setiap Peserta hanya boleh memenangi **SATU (1)** hadiah Peraduan sepanjang Tempoh Peraduan tanpa kira bilangan penyertaan yang diterima oleh Pihak Penganjur.
- 39 Pemenang akan diberitahu melalui telefon dan/atau emel.
- 40 Pihak Penganjur hendaklah memberitahu pemenang tidak lewat dari tiga (3) bulan selepas akhir Tempoh Peraduan dan Pihak Penganjur akan mengumumkan dan menyiarkan nama pemenang di laman webnya.
- 41 Semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada penyenaian pendek, pemilihan Pemenang dan pembatalan Hadiah adalah muktamad, dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta adalah tidak akan dilayan.
- 42 Pemenang hendaklah hadir di tempat untuk majlis penyampaian hadiah.

### **Pemilihan Hadiah Utama**

- 43 75 Pemenang (pemenang Hadiah Pertama, Hadiah Kedua, dan Hadiah Ketiga) akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah. Acara ini akan diadakan oleh Pihak Penganjur dari semasa ke semasa. Semasa majlis penyampaian hadiah, 75 pemenang tersebut akan diadakan cabutan semula untuk peluang memenangi Hadiah Utama yang terdiri daripada masing-masing tiga (3) baucar pelancongan setiap satu.\*

\*Hanya pemenang yang hadir di majlis tersebut akan layak menyertai cabutan bertuah semula untuk memilih Pemenang Hadiah Utama. Pemenang yang tidak menghadiri majlis penyampaian hadiah adalah tidak layak untuk cabutan bertuah tersebut.

### **Hak Pihak Penganjur**

- 44 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju dan membenarkan untuk Pihak Penganjur menyiarkan dan menggunakan nama-nama dan gambar-gambar yang dihantar oleh Peserta/Pemenang bagi tujuan pengiklanan, pemasaran dan publisiti dan/atau tujuan lain tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau pampasan kepada Peserta/Pemenang. Pemenang tidak berhak untuk menuntut milikan atau apa-apa bentuk pampasan lain terhadap bahan tersebut.
- 45 Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan; pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan Peraduan dan/atau penyertaan mana-mana individu yang mengganggu proses penyertaan dan/atau membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini.
- 46 Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
- 47 Pihak Penganjur berhak untuk mengubah Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan notis terlebih dahulu.



- 48 Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma yang terkandung di <https://www.jayagrocer.com/events/mydebit> hendaklah diguna pakai.
- 49 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur/ Penaja Hadiah atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur/ Penaja Hadiah untuk memproses data peribadi Peserta untuk tujuan-tujuan Peraduan ini.
- 50 Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang dibuat oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Peserta/Pemenang. Pihak Penganjur, sekutu, ejen-ejen bertauliah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang tersebut.
- 51 Pihak Penganjur, sekutunya atau pihak ketiga yang diberikuasa tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat atau kesilapan komputer, IT atau teknikal.
- 52 Jika terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

### **Liabiliti dan Tanggungjawab**

- 53 Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak dijangka, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan oleh penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur/ Penaja Hadiah dan agensinya dari sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan jiwa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.

- 54 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Pihak Penganjur/Penaja Hadiah atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana agensi pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Pihak Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dikecualikan.
- 55 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur dan bersetuju tanpa syarat dengan terma dan syarat peraduan ini serta semua keputusan Pihak Penganjur.

### **Notis Privasi**

- 56 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur/Penaja Hadiah untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 57 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta juga memberi persetujuan dan kebenaran mereka untuk mengguna dan berkongsi Data Peribadi mereka dengan perkhidmatan pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana Penaja Hadiah/bank yang mengambil bahagian yang menawarkan MyDebit untuk memproses Data Peribadi Peserta. Semua pihak ketiga tersebut terikat secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.

- 58 Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
- a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur melalui butir-butir kontak di bawah dan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta kepada Pihak Penganjur supaya menghapus Data Peribadi tersebut;
  - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang disimpan oleh Penganjur; dan
  - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
- 59 Peserta boleh merujuk laman web Pihak Penganjur di <https://www.jayagrocer.com/events/mydebit> atau hubungi talian bantuan di 03- 5626 0043 untuk sebarang maklumat berkenaan dengan perlindungan data atau hak undang-undang.
- 60 Pihak Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan menghendaki pemproses data pihak ketiga untuk berbuat sedemikian. Namun demikian, Pihak Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
- 61 Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia

[TAMAT]